

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Tarikh: 02hb Oktober 2020

Bil. 11/2020

No. Ruj: PICOMS/PP/10/2020/011Jld. 1

PEMAKLUMAN LAPOR DIRI PELAJAR SECARA FIZIKAL DI KAMPUS KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan status terkini laporan diri pelajar PICOMS secara fizikal di Kampus Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada pekeling pejabat pendaftar Bil 10/2020 dan kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020, semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) disaran untuk **menangguhkan pendaftaran secara fizikal pelajar baharu dan lama ke kampus. Sehubungan dengan itu PICOMS mengambil langkah penangguhan ini sejajar dengan saranan terkini oleh KPT.** Ini bertujuan untuk mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini (Rujuk lampiran kenyataan media).
- 2.2 Walaubagaimanapun, proses pendaftaran, pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan diteruskan secara dalam talian mengikut Kalendar Akademik Universiti.

3. KETETAPAN PENGURUSAN

- 3.1 Merujuk mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) kali ke 15 Bil 09/2020 yang menetapkan peperiksaan khas/ulangan dibuat secara bersemuka **DIPINDA** kepada peperiksaan dalam talian mengikut jadual peperiksaan yang telah ditetapkan.



4. TINDAKAN

- 4.1 Pekeliling Pendaftar Bil 11/2020 ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh pekeling ini dikeluarkan.
- 4.2 Amat penting arahan ini dipatuhi oleh semua pelajar bagi memastikan pencegahan penularan wabak COVID-19 ini.
- 4.3 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- 4.4 Semua Fakulti, Pejabat dan Jabatan yang terlibat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan arahan seperti yang tertakluk di dalam pekeling ini kepada pelajar.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

"KE ARAH KECEMERLANGAN HOLISTIK DALAM PENDIDIKAN & PENJAGAAN PESAKIT"



.....
NORITA BINTI HJ ARSHAD

Pendaftar

Tarikh: 02hb Oktober 2020

- s.k
- : Naib Canselor
 - : Jabatan Pendaftar
 - : Timbalan Naib Canselor (Akademik)
 - : Dekan Fakulti Sains Kesihatan
 - : Dekan Fakulti Pengurusan
 - : Dekan Fakulti Kejururawatan
 - : Dekan Fakulti Farmasi
 - : Pengarah Pusat Kecemerlangan